

NO SOALAN :57**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 19.03.2018**

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil KWSP supaya kadar pembayaran dividen dapat pulih ke zaman kegemilangannya pada 8.5% setahun seperti yang tercapai dalam lima tahun berturut-turut antara 1983 hingga 1987.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum tahun 1987 adalah lebih tinggi berbanding tahun-tahun terkini berikutan bon Malaysia yang memberikan kadar faedah yang tinggi. Pada tahun-tahun tersebut,

pelaburan KWSP hanya tertumpu kepada bon Malaysia dan tidak dipelbagaikan seperti masa ini. Namun begitu, kadar inflasi pada tahun-tahun tersebut juga dicatatkan setinggi 9%, jauh lebih tinggi berbanding kadar inflasi tahun-tahun kebelakangan ini. Ini menyebabkan kadar dividen sebenar pada tahun 1980-an adalah negatif, jauh lebih rendah berbanding kadar dividen sebenar pada tahun-tahun kebelakangan ini yang melebihi 2% bagi purata tiga tahun.

Ini adalah bertepatan dengan objektif KWSP untuk memastikan simpanan ahli bukan sahaja dipelihara nilainya malahan ditambah nilai dengan sasaran kadar dividen nominal tidak kurang daripada 2.5%, kadar dividen sebenar tidak kurang daripada 2.0% dan melebihi inflasi bagi purata tiga tahun.